

- (A) Lengkapkan teks dengan kata pemerai, kata bantu serta kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran yang betul.

Jangan Ambil Ringan



Dalam perjalanan ke Pulau Pinang, Tinesh sekeluarga berhenti di henti rehat dan rawat. Tinesh mendapati bahawa agak ramai orang di situ. Ada yang **mahu/pernah** makan dan rehat di pondok-pondok rehat.

"Ramai benar orang berhenti rehat di sini, ayah," kata Tinesh.

"Ya, Tinesh. Mereka **mungkin/telah** dalam perjalanan pulang. Ada yang **telah/belum** melalui perjalanan yang sangat jauh dan mereka terlalu penat," jelas Encik Ravin.

"Oh, patutlah ramai sekali yang berhenti rehat!" kata Tinesh.

"Ramai pemandu sedar akan larang tidur di dalam kereta dengan enjin yang **masih/akan** hidup. Perbuatan ini amat risiko kerana undang bahaya yang tidak dijangka. Tindak mereka **adalah/ialah** bijak kerana berhenti rehat di pondok rehat sambil ambil udara segar di sini," jelas Encik Ravin.

"Mengapakah perbuatan tidur di dalam kereta bahaya, ayah?" tanya Tinesh.

"Jika berlaku kebocoran gas daripada ekzos, kita tidak **akan/telah** sedar. Hal ini disebabkan gas karbon monoksida tiada bau dan warna. Gas ini tidak **dapat/harus** kita amat . Gas karbon monoksida **adalah/ialah** gas beracun yang **boleh/perlu** menyebabkan kerosakan organ dan boleh bunuh. Oleh itu, elak perbuatan tersebut. Amal langkah keselamatan dan jangan ambil ringan," jelas Encik Ravin.